



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

BANCI EKONOMI 2023 STATISTIK MILIKAN WANITA APRIL 2025

Bilangan pertubuhan milikan wanita di Malaysia adalah 219,015 menyumbang 20.1 peratus kepada keseluruhan pertubuhan dalam ekonomi pada 2022

PUTRAJAYA, 30 APRIL 2025 – Hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan Statistik Milikan Wanita berdasarkan Banci Ekonomi 2023. Penerbitan ini memaparkan penemuan utama mengenai prestasi dan sumbangan perniagaan yang dimiliki oleh wanita merentasi pelbagai sektor ekonomi. Statistik utama berkaitan output kasar, input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap dilaporkan di peringkat nasional dan negeri.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Berdasarkan Banci Ekonomi 2023, terdapat 219,015 pertubuhan milikan wanita yang beroperasi pada tahun 2022, dengan kadar pertumbuhan tahunan 2.3 peratus berbanding banci sebelumnya (2015: 187,265 pertubuhan). Sebanyak 205,012 pertubuhan atau 93.6 peratus tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, diikuti oleh sektor Pembuatan (8,469 pertubuhan; sumbangan: 3.9%) dan sektor Pembinaan (3,869 pertubuhan; sumbangan: 1.8%). Penemuan mengikut subsektor menunjukkan lebih daripada 70.0 peratus daripada pertubuhan milikan wanita terlibat dalam subsektor Perdagangan borong & runcit (sumbangan: 45.0%) dan subsektor Makanan & minuman (sumbangan: 31.1%)".

Selangor kekal sebagai negeri teratas dengan bilangan pertubuhan milikan wanita tertinggi pada 2022, menyumbang 15.9 peratus daripada jumlah keseluruhan 219,015 pertubuhan. Ini diikuti oleh Sabah dengan 22,740 pertubuhan (sumbangan: 10.4%), Kelantan dengan 21,079 pertubuhan (sumbangan: 9.6%), W.P. Kuala Lumpur 20,237

pertubuhan (sumbangan: 9.2%) dan Johor 19,495 pertubuhan (sumbangan: 8.9%). Kelima-lima negeri ini menyumbang lebih separuh daripada jumlah keseluruhan pertubuhan milikan wanita di Malaysia.

Nilai output kasar yang dijana oleh pertubuhan milikan wanita berjumlah RM136.9 bilion pada 2022, menyumbang 3.6 peratus kepada keseluruhan sektor ekonomi di Malaysia. Sektor Perkhidmatan menjana nilai output kasar tertinggi dengan RM83.0 bilion atau sumbangan 60.7 peratus dan subsektor Perdagangan borong & runcit merupakan pemangkin yang menyumbang 37.7 peratus (RM31.3 bilion). Nilai output kasar sektor Pembuatan menyumbang 30.1 peratus dengan subsektor Pembuatan produk makanan menjadi penyumbang utama kepada sektor ini, mencatatkan RM12.6 bilion (sumbangan: 30.7%). Dari segi pertumbuhan, nilai output kasar meningkat 7.0 peratus setiap tahun pada 2022 berbanding 2015. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor Pembuatan sebanyak 13.8 peratus, diikuti oleh sektor Pertanian (6.0%) dan sektor Perkhidmatan (5.7%).

Selaras dengan peningkatan nilai output kasar, jumlah nilai ditambah bagi pertubuhan milikan wanita meningkat 6.5 peratus setiap tahun, kenaikan sebanyak RM21.8 bilion untuk mencatatkan RM61.4 bilion pada 2022 (2015: RM39.6 bilion). Penyumbang utama kepada nilai ditambah ini ialah sektor Perkhidmatan yang mencatatkan 72.2 peratus atau RM44.4 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan 5.7 peratus. Sementara itu, sektor Pembuatan dan Pertanian masing-masing menyumbang RM10.5 bilion (sumbangan: 17.1%) dan RM5.0 bilion (sumbangan: 8.1%).

Jumlah bilangan pekerja untuk keseluruhan sektor juga mencatatkan peningkatan 2.0 peratus, dengan 979,812 orang pada 2022 (2015: 853,559 orang). Sektor Perkhidmatan mendahului dengan 788,884 orang (sumbangan: 80.5%). Pada masa yang sama, jumlah gaji & upah yang dibayar meningkat sebanyak 5.5 peratus setiap tahun, berjumlah RM20.5 bilion pada 2022 (2015: RM14.1 bilion). Sektor Perkhidmatan mencatatkan nilai gaji & upah tertinggi dengan RM15.5 bilion (sumbangan: 75.5%) dan diikuti oleh sektor Pembuatan dengan RM3.6 bilion (sumbangan: 17.5%). Walau bagaimanapun, purata gaji & upah bulanan tertinggi dicatatkan oleh sektor Perlombongan & pengkuarian dengan RM2,675, diikuti sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing RM2,628 dan RM2,156.

Nilai harta tetap bagi pertubuhan milikan wanita menunjukkan peningkatan sebanyak 5.6 peratus setahun daripada RM37.9 bilion pada 2015 kepada RM55.4 bilion pada 2022, dipengaruhi terutamanya oleh sektor Perkhidmatan yang mencatatkan RM41.3 bilion pada 2022 (2015: RM22.8 bilion). Seterusnya, sektor Pembuatan dengan nilai harta tetap sebanyak RM7.6 bilion dan sektor Pertanian mencatatkan RM5.9 bilion.

Pada tahun 2022, terdapat 185,582 pertubuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dimiliki oleh wanita, mewakili 17.0 peratus daripada keseluruhan pertubuhan di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 171,800 pertubuhan (sumbangan: 92.6%) terlibat dalam sektor Perkhidmatan, diikuti oleh 8,359 pertubuhan (sumbangan: 4.5%) dalam sektor Pembuatan. Pertubuhan PKS milikan wanita ini menjana output kasar bernilai RM89.3 bilion dan nilai ditambah RM44.3 bilion, masing-masing meningkat 3.7 peratus dan 4.1 peratus setiap tahun. Selain itu, pertubuhan milikan wanita menggajikan 833,311 orang pekerja, dengan kadar pertumbuhan tahunan 0.9 peratus. Dari segi gaji & upah dan nilai harta tetap, ia mencatatkan RM16.2 bilion dan RM39.7 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan masing-masing 4.5 peratus dan 3.4 peratus.

Mengulas lebih lanjut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Peningkatan penglibatan wanita dalam ekosistem keusahawanan mencerminkan komitmen berterusan Malaysia terhadap kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita. Statistik ini bukan sahaja membuktikan kekuatan dan keupayaan usahawan wanita, malah berfungsi sebagai input penting bagi pembuat dasar, penyelidik dan pemain industri dalam merangka strategi yang berinformasi untuk menyokong dan meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi."

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 APRIL 2025

Paparan I: Perangkaan Utama Pertubuhan Milikan Wanita, 2015 dan 2022



Paparan II: Statistik Utama PKS Milikan Wanita, 2022

						
	Jumlah	Pertanian	Perlombongan & pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
 Bilangan Pertubuhan	185,582 186,930 ▼ -0.1%	1,579 1,498 ▲ 0.8% ● 0.9%	12 20 ▼ -7.0% ● 0.01%	8,359 9,519 ▼ -1.8% ● 4.5%	3,832 2,570 ▲ 5.9% ● 2.0%	171,800 173,323 ▼ -0.1% ● 92.6%
 Nilai Output Kasar (RM bilion)	89.3 69.2 ▲ 3.7%	4.0 3.0 ▲ 4.2% ● 4.5%	0.02 0.03 ▼ -1.9% ● 0.03%	17.5 11.0 ▲ 6.8% ● 19.5%	3.0 3.9 ▼ -3.5% ● 3.4%	64.8 51.3 ▲ 3.4% ● 72.6%
 Nilai Input Perantaraan (RM bilion)	45.0 35.7 ▲ 3.3%	1.7 1.4 ▲ 2.7% ● 3.7%	0.01 0.01 ▼ -0.1% ● 0.03%	12.3 8.2 ▲ 6.0% ● 27.4%	2.0 2.5 ▼ -3.3% ● 4.4%	29.0 23.6 ▲ 3.0% ● 64.5%
 Nilai Ditambah (RM bilion)	44.3 33.5 ▲ 4.1%	2.4 1.6 ▲ 5.4% ● 5.3%	0.01 0.01 ▼ -3.8% ● 0.02%	5.1 2.8 ▲ 9.0 ● 11.6%	1.0 1.4 ▼ -3.9% ● 2.3%	35.8 27.7 ▲ 3.7% ● 80.8%
 Bilangan Pekerja	833,311 781,438 ▲ 0.9%	18,312 29,612 ▼ -6.6% ● 2.2%	176 218 ▼ -3.0% ● 0.02%	89,998 68,426 ▲ 4.0% ● 10.8%	27,088 37,536 ▼ -4.6% ● 3.3%	697,737 645,646 ▲ 1.1% ● 83.7%
 Gaji & Upah (RM bilion)	16.2 11.9 ▲ 4.5%	0.4 0.5 ▼ -3.7% ● 2.6%	0.005 0.005 ▼ -0.3% ● 0.03%	2.3 1.3 ▲ 8.2% ● 14.3%	0.5 0.8 ▼ -6.3% ● 3.0%	12.9 9.2 ▲ 5.0% ● 80.1%
 Nilai Harta Tetap (RM bilion)	39.7 31.3 ▲ 3.4%	2.6 6.9 ▼ -13.0% ● 6.6%	0.009 0.02 ▼ -12.9% ● 0.02%	3.9 3.6 ▲ 0.8% ● 9.7%	0.4 0.6 ▼ -6.4% ● 1.0%	32.8 20.1 ▲ 7.2% ● 82.7%

2022 ▲▼ CAGR 2022/2015
2015 ● Sumbangan 2022



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

ECONOMIC CENSUS 2023 WOMEN-OWNED STATISTICS APRIL 2025

The number of women-owned establishments in Malaysia were 219,015 contributing 20.1 per cent to the overall establishments in the economy in 2022

PUTRAJAYA, APRIL 30, 2025 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the Women-Owned Statistics based on the Economic Census 2023. This publication presents key findings on the performance and contribution of businesses owned by women across various economic sectors. Principal statistics related to gross output, intermediate input, value added, persons engaged, salaries & wages and fixed assets are reported at national and state levels.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, "Based on Economic Census 2023, 219,015 women-owned establishments operating in 2022, with an annual growth rate of 2.3 per cent as compared to the previous census (2015: 187,265 establishments). A total of 205,012 establishments or 93.6 per cent were concentrated in the Services sector, followed by the Manufacturing sector (8,469 establishments; share: 3.9%) and the Construction sector (3,869 establishments; share: 1.8%). Findings by subsector showed that more than 70.0 per cent of the women-owned establishments were involved in the Wholesale & retail trade subsector (share: 45.0%) and the Food & beverage subsector (share: 31.1%)."

Selangor remained as the top state with the highest number of women-owned establishments in 2022, contributing 15.9 per cent of the total 219,015 establishments. This was followed by Sabah with 22,740 establishments (share: 10.4%), Kelantan with 21,079 establishments (share: 9.6%), W.P. Kuala Lumpur 20,237 establishments (share: 9.2%) and Johor 19,495 establishments (share: 8.9%). These five states accounted for more than half of the total women-owned establishments in Malaysia.

The value of gross output generated by women-owned establishments amounted to RM136.9 billion in 2022, contributing 3.6 per cent to the overall economic sector in Malaysia. The Services sector generated the highest gross output value with RM83.0 billion or 60.7 per cent share and Wholesale & Retail Trade subsector was the catalyst which contributed 37.7 per cent (RM31.3 billion). The gross output of Manufacturing sector accounted for 30.1 per cent with the Manufacture of food products subsector being the primary contributor to this sector, registering RM12.6 billion (share: 30.7%). In view of growth, the value of gross output rose 7.0 per cent annually in 2022 as compared to 2015. The incline was predominantly attributable to the strong growth in the Manufacturing sector by 13.8 per cent, followed by the Agriculture sector (6.0%) and the Services sector (5.7%).

In line with the increase of gross output, the total value added for women-owned establishments grew 6.5 per cent annually, increased by RM21.8 billion to record RM61.4 billion in 2022 (2015: RM39.6 billion). The main contributor to the value added was the Services sector, registering 72.2 per cent or RM44.4 billion with an annual growth rate of 5.7 per cent. Meanwhile, the Manufacturing and Agriculture sectors contributed RM10.5 billion (share: 17.1%) and RM5.0 billion (share: 8.1%), respectively.

The number of persons engaged in all sectors also posted an increase of 2.0 per cent, stood at 979,812 persons in 2022 (2015: 853,559 persons). The Services sector led with 788,884 persons (share: 80.5%). On the same note, the total salaries & wages paid rose by 5.5 per cent annually, amounted to RM20.5 billion in 2022 (2015: RM14.1 billion). The Services sector recorded the highest value of salaries & wages with RM15.5 billion (share: 75.5%) and followed by the Manufacturing sector with RM3.6 billion (share: 17.5%). Nevertheless, the highest average monthly salaries & wages was reflected in the Mining & quarrying sector with RM2,675, followed by

Manufacturing and Construction sectors with a value of RM2,628 and RM2,156, respectively.

The value of fixed assets for Women-owned establishments showed an increase of 5.6 per cent annually from RM37.9 billion in 2015 to RM55.4 billion in 2022, mainly influenced by the Services sector which recorded RM41.3 billion in 2022 (2015: RM22.8 billion). Next, Manufacturing sector with a value of fixed assets of RM7.6 billion and Agriculture sector registered RM5.9 billion.

In 2022, there were 185,582 women-owned Small and Medium Enterprises (SMEs) establishments, representing 17.0 per cent of the total establishments in Malaysia. Of this number, 171,800 establishments (share: 92.6%) were involved in the Services sector, followed by 8,359 establishments (share: 4.5%) in the Manufacturing sector. The women-owned SMEs generated a gross output of RM89.3 billion and a value added of RM44.3 billion, which increased by 3.7 per cent and 4.1 per cent respectively, each year. Additionally, Women-owned establishments employed 833,311 persons, with an annual growth rate of 0.9 per cent. In terms of salaries & wages and fixed asset values, they recorded RM16.2 billion and RM39.7 billion, with an annual growth rates of 4.5 per cent and 3.4 per cent, respectively.

Elaborating further on the findings, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "The increasing presence of women in the entrepreneurial ecosystem reflects Malaysia's ongoing commitment to gender inclusivity and empowerment. These statistics serve not only as a testament to the strength and capabilities of women entrepreneurs, but also as a vital input for policy makers, researchers, and industry players in formulating informed strategies to support and accelerate women's economic participation."

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: the Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30 APRIL 2025**

Exhibit 1: Principal Statistics of Women-Owned Establishments, 2015 and 2022




Exhibit II: Principal Statistics of SMEs of Women-Owned Establishment by Sector, 2022

						
	Total	Agriculture	Mining & quarrying	Manufacturing	Construction	Services
 Number of Establishments	185,582 186,930 ▼ -0.1%	1,579 1,498 ▲ 0.8% 📊 0.9%	12 20 ▼ -7.0% 📊 0.01%	8,359 9,519 ▼ -1.8% 📊 4.5%	3,832 2,570 ▲ 5.9% 📊 2.0%	171,800 173,323 ▼ -0.1% 📊 92.6%
 Value of Gross Output (RM billion)	89.3 69.2 ▲ 3.7%	4.0 3.0 ▲ 4.2% 📊 4.5%	0.02 0.03 ▼ -1.9% 📊 0.03%	17.5 11.0 ▲ 6.8% 📊 19.5%	3.0 3.9 ▼ -3.5% 📊 3.4%	64.8 51.3 ▲ 3.4% 📊 72.6%
 Value of Intermediate Input (RM billion)	45.0 35.7 ▲ 3.3%	1.7 1.4 ▲ 2.7% 📊 3.7%	0.01 0.01 ▼ -0.1% 📊 0.03%	12.3 8.2 ▲ 6.0% 📊 27.4%	2.0 2.5 ▼ -3.3% 📊 4.4%	29.0 23.6 ▲ 3.0% 📊 64.5%
 Value Added (RM billion)	44.3 33.5 ▲ 4.1%	2.4 1.6 ▲ 5.4% 📊 5.3%	0.01 0.01 ▼ -3.8% 📊 0.02%	5.1 2.8 ▲ 9.0 📊 11.6%	1.0 1.4 ▼ -3.9% 📊 2.3%	35.8 27.7 ▲ 3.7% 📊 80.8%
 Number of Persons Engaged	833,311 781,438 ▲ 0.9%	18,312 29,612 ▼ -6.6% 📊 2.2%	176 218 ▼ -3.0% 📊 0.02%	89,998 68,426 ▲ 4.0% 📊 10.8%	27,088 37,536 ▼ -4.6% 📊 3.3%	697,737 645,646 ▲ 1.1% 📊 83.7%
 Salaries & Wages (RM billion)	16.2 11.9 ▲ 4.5%	0.4 0.5 ▼ -3.7% 📊 2.6%	0.005 0.005 ▼ -0.3% 📊 0.03%	2.3 1.3 ▲ 8.2% 📊 14.3%	0.5 0.8 ▼ -6.3% 📊 3.0%	12.9 9.2 ▲ 5.0% 📊 80.1%
 Value of Fixed Assets (RM billion)	39.7 31.3 ▲ 3.4%	2.6 6.9 ▼ -13.0% 📊 6.6%	0.009 0.02 ▼ -12.9% 📊 0.02%	3.9 3.6 ▲ 0.8% 📊 9.7%	0.4 0.6 ▼ -6.4% 📊 1.0%	32.8 20.1 ▲ 7.2% 📊 82.7%
	2022 2015	2022 2015	2022 2015	2022 2015	2022 2015	2022 2015
		▲ ▼ CAGR 2022/2015				📊 Share 2022